

A Study on Safety Non-Compliance in Malaysia's Manufacturing Sector from the Workers' Perspective

Azmir Azhar *

Khairul Azhar Mat Daud **

Darlina Mohamad***

azmirdosh@gmail.com*, azhar.md@umk.edu.my**, darliana.m@umk.edu.my***

ABSTRACT

This study aims to explore the factors contributing to non-compliance with safe work procedures among workers in the manufacturing sector in Malaysia. The study involved in-depth interviews with five participants, using a qualitative research approach, and the data obtained were analyzed thematically. The findings revealed that the factors contributing to non-compliance include the perception of discomfort with safe work procedures, time pressure, lack of training, insufficient supervision, and discomfort with safety equipment. In response to these findings, the study proposes the Effective Compliance Model, which incorporates elements such as enhanced training programs, provision of more ergonomic safety equipment, active supervision, a balance between productivity and safety goals, and a continuous feedback system. The implementation of the Effective Compliance Model is expected to improve compliance with safe work procedures, reduce the risk of accidents, and foster a better safety culture in the manufacturing sector. The findings of this study provide valuable insights into the issue of non-compliance in the manufacturing sector and serve as a foundation for further research and the development of more effective workplace safety strategies.

Keywords: *Effective Compliance Model, Malaysian manufacturing sector, Non-compliance with safe work procedures, qualitative research, safety risk factors.*

Submitted: 16 August 2024

Revised: 23 September 2024

Published: 30 September 2024

* Postgraduate Student at the Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.

** Associate Professor at the Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.

*** Senior Lecturer at the Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.



Kajian Terhadap Ketidapatuhan Keselamatan Dalam Sektor Pembuatan Malaysia Dari Perspektif Pekerja

Azmir Azhar *

Khairul Azhar Mat Daud **

Darlina Mohamad***

azmirdosh@gmail.com*, azhar.md@umk.edu.my**, darliana.m@umk.edu.my***

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneroka faktor-faktor yang menyumbang kepada ketidapatuhan terhadap prosedur kerja selamat dalam kalangan pekerja sektor pembuatan di Malaysia. Kajian ini melibatkan temu bual mendalam dengan lima orang peserta, menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif, dan data yang diperolehi dianalisis secara tematik. Hasil kajian mendedahkan bahawa faktor-faktor yang menyumbang kepada ketidapatuhan adalah persepsi ketidakselesaan terhadap prosedur kerja selamat, tekanan masa, kekurangan latihan, penyeliaan yang tidak mencukupi, serta ketidakselesaan dengan peralatan keselamatan. Sebagai tindak balas kepada penemuan ini, kajian mencadangkan Model Pematuhan Berkesan yang menggabungkan elemen-elemen seperti program latihan yang dipertingkatkan, penyediaan peralatan keselamatan yang lebih ergonomik, penyeliaan yang aktif, keseimbangan antara produktiviti dan matlamat keselamatan, serta sistem maklum balas yang berterusan. Pelaksanaan Model Pematuhan Berkesan dijangka dapat meningkatkan tahap pematuhan terhadap prosedur kerja selamat, mengurangkan risiko kemalangan, dan seterusnya memupuk budaya keselamatan yang lebih baik dalam sektor pembuatan. Dapatan kajian ini memberikan pandangan mendalam mengenai isu ketidapatuhan dalam sektor pembuatan dan menyediakan asas untuk kajian lanjut serta pembangunan strategi keselamatan pekerjaan yang lebih berkesan.

Kata Kunci: faktor risiko keselamatan, ketidapatuhan terhadap prosedur kerja selamat, Model Pematuhan Berkesan, penyelidikan kualitatif, sektor pembuatan Malaysia.

* Pelajar Pascasiswazah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.

** Professor Madya di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.

*** Pensyarah Kanan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.



1.0 Pengenalan

Sektor pembuatan merupakan komponen penting dalam ekonomi Malaysia, menyumbang secara signifikan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dan menyediakan pekerjaan kepada sebahagian besar tenaga kerja. Menurut Adnan et al. (2023), sektor pembuatan terus menjadi penyumbang utama kepada KDNK Malaysia, merangkumi lebih daripada 23% daripada keseluruhan KDNK dan menggaji lebih daripada 2 juta pekerja (Adnan et al., 2023). Transformasi ekonomi dan teknologi global yang pesat, bersama-sama dengan kemajuan teknologi terkini, telah membawa kepada kemunculan industri serta teknologi baharu (Othman et al., 2024).

Sektor ini terdiri daripada pelbagai industri seperti elektronik, automotif, pemrosesan makanan, dan tekstil, yang memerlukan pematuhan ketat terhadap prosedur kerja selamat untuk memastikan kesejahteraan pekerja. Walaupun pelbagai prosedur dan peraturan keselamatan telah ditetapkan bagi melindungi pekerja, isu ketidakpatuhan terhadap prosedur kerja selamat dalam kalangan pekerja pembuatan masih berterusan. Kajian oleh Yao dan Daud (2024) menunjukkan bahawa kebiasaan serta cabaran yang dihadapi memainkan peranan penting dalam mempengaruhi penerimaan terhadap prosedur ini. Ketidakpatuhan terhadap prosedur kerja selamat dalam kalangan pekerja pembuatan secara langsung menjejaskan produktiviti. Apabila pekerja gagal mematuhi prosedur tersebut, risiko kemalangan dan kecederaan meningkat, yang akhirnya membawa kepada gangguan dalam proses pengeluaran dan kehilangan waktu kerja (Zakaria et al., 2024).

2.0 Latar belakang Kajian

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kebimbangan mengenai insiden ketidakpatuhan terhadap prosedur kerja selamat dalam kalangan pekerja di sektor pembuatan di Malaysia semakin meningkat. Laporan menunjukkan bahawa ramai pekerja sering mengabaikan prosedur kerja selamat yang ditetapkan, yang membawa kepada sejumlah besar kemalangan dan kecederaan di tempat kerja (Hollá et al., 2023). Ketidakpatuhan terhadap prosedur kerja selamat, merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kadar kemalangan pekerjaan yang tinggi (Kineber et al., 2023).

Objektif kajian ini adalah untuk meneroka faktor-faktor yang menyumbang kepada ketidakpatuhan prosedur kerja selamat dalam kalangan pekerja di sektor pembuatan Malaysia. Faktor ini perlu diambil kira semasa membangunkan produk baharu (YAO & DAUD, 2024). Dengan mencapai objektif ini, kajian ini dapat menyatakan faktor-faktor punca ketidakpatuhan dan seterusnya membangunkan model pematuhan berkesan bagi menambah baik pematuhan terhadap prosedur kerja selamat di tempat kerja.

Kajian ini adalah penting kerana ia menangani isu kritikal ketidakpatuhan terhadap prosedur kerja selamat dalam sektor pembuatan di Malaysia. Penemuan kajian ini boleh memberikan maklumat yang berguna kepada pelbagai pihak berkepentingan, termasuk kerajaan, komuniti pembuatan, dan sektor industri keseluruhan. Bagi kerajaan, penemuan ini dapat membantu dalam pembangunan peraturan keselamatan pekerjaan dan mekanisme penguatkuasaan yang lebih berkesan, seterusnya meningkatkan perlindungan pekerja. Komuniti pembuatan akan mendapat manfaat daripada amalan keselamatan yang dipertingkatkan, mengurangkan kejadian kemalangan di tempat kerja dan kos yang berkaitan. Industri secara keseluruhan berpeluang untuk meningkatkan



produktiviti dan kecekapan, kerana persekitaran kerja yang lebih selamat memupuk semangat pekerja yang lebih tinggi dan mengurangkan masa henti akibat kecederaan. Dari segi akademik, kajian ini menyumbangkan pengetahuan baharu kepada bidang keselamatan pekerjaan, khususnya dalam konteks sektor pembuatan di Malaysia.

Skop kajian ini tertumpu kepada pemahaman faktor-faktor yang menyumbang kepada ketidakpatuhan prosedur kerja selamat dalam kalangan pekerja di sektor pembuatan Malaysia. Kajian ini menyasarkan kumpulan pekerja yang pelbagai dalam pelbagai subsektor pembuatan, termasuk elektronik, automotif, pemprosesan makanan, dan tekstil, dan melibatkan pekerja dari pelbagai peringkat pekerjaan, daripada pengendali peringkat permulaan hingga peranan penyeliaan. Data dikumpul melalui kaedah kualitatif, khususnya temu bual secara mendalam dengan lima peserta yang bekerja dan terlibat dalam sektor pembuatan di dalam Negeri Johor, Malaysia. Kajian ini terhad kepada industri yang berada dalam Negeri Johor sahaja, dengan tujuan untuk memberikan pandangan yang disasarkan dan cadangan praktikal yang boleh memberi kesan secara langsung kepada peningkatan pematuhan prosedur kerja selamat di tempat kerja.

3.0 Sorotan Literatur

Memahami faktor yang menyumbang kepada ketidakpatuhan terhadap prosedur kerja selamat dalam sektor pembuatan di Malaysia adalah penting bagi meningkatkan keselamatan di tempat kerja. Menurut Ali et al. (2012), beberapa kajian akademik telah menengahkan isu ini, di mana ketidakpatuhan sering disebabkan oleh tekanan untuk memenuhi tarikh akhir, penerimaan risiko oleh pekerja, keadaan kerja yang tidak selamat, dan penggunaan bahan berbahaya. Untuk mengurangkan ketidakpatuhan, peningkatan budaya keselamatan, pendidikan dan latihan yang lebih baik, serta komitmen pengurusan adalah faktor penting (Ali et al., 2012).

Kepentingan keselamatan di tempat kerja dalam sektor pembuatan tidak boleh dipertikaikan. Industri pembuatan Malaysia, yang merangkumi elektronik, automotif, pemprosesan makanan, dan tekstil, merupakan penyumbang utama kepada ekonomi negara. Namun, sektor ini juga menghadapi cabaran besar dari segi keselamatan. Menurut Megat & Krishnan (2024), organisasi yang mengutamakan keselamatan cenderung mempunyai pekerja yang lebih berpuas hati dan komited, yang mengurangkan kadar pusing ganti pekerja dan meningkatkan produktiviti keseluruhan (Megat & Krishnan, 2024). Ketidakpatuhan terhadap prosedur kerja selamat sering membawa kepada kemalangan dan kecederaan yang kerap di tempat kerja, yang bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan pekerja tetapi juga memberi kesan negatif kepada produktiviti dan kecekapan operasi (Aurice Wekoye et al., 2020).

Beberapa tema utama muncul daripada literatur mengenai pematuhan terhadap prosedur kerja selamat dalam sektor pembuatan. Pertama, faktor organisasi memainkan peranan penting. Program latihan keselamatan yang berkesan, komunikasi yang jelas tentang prosedur kerja selamat, dan penguatkuasaan polisi keselamatan yang ketat adalah penting untuk memastikan pematuhan. Aman-Ullah et al. (2022) menegaskan bahawa latihan keselamatan yang tersusun secara signifikan meningkatkan pengetahuan dan kesedaran pekerja mengenai amalan keselamatan, yang seterusnya mengurangkan kadar kemalangan dan memperbaiki tingkah laku keselamatan (Aman-Ullah et al., 2022). Latihan yang tidak mencukupi dan komunikasi yang lemah sering kali



menyebabkan kurangnya pemahaman dalam kalangan pekerja, yang mengakibatkan ketidakpatuhan (Bayram et al., 2022). Oleh itu, latihan keselamatan yang kerap dan komprehensif, bersama dengan kemas kini berterusan, adalah perlu bagi mengekalkan tahap kesedaran keselamatan yang tinggi (Nawi et al., 2022).

Faktor individu juga mempengaruhi pematuhan terhadap prosedur kerja selamat. Sikap pekerja terhadap keselamatan, pengetahuan mereka tentang prosedur kerja selamat, dan kepentingan yang mereka letakkan terhadap pematuhan adalah penentu kritikal. Kajian oleh Latip et al. (2022) menekankan bahawa budaya keselamatan yang kukuh, diperkukuh dengan komitmen pengurusan dan komunikasi yang jelas, adalah penting untuk memastikan pematuhan (Latip et al., 2022). Dodoo & Al-Samarraie (2021) menunjukkan bahawa pekerja yang tidak mengutamakan keselamatan atau memandang rendah risiko yang berkaitan dengan pekerjaan mereka lebih cenderung untuk mengabaikan prosedur kerja selamat (Dodoo & Al-Samarraie, 2021).

Faktor persekitaran, termasuk keadaan kerja fizikal, ketersediaan peralatan keselamatan, dan iklim keselamatan di tempat kerja, juga mempengaruhi pematuhan. Persekitaran kerja fizikal, seperti pencahayaan, bunyi bising, dan suhu, memberi kesan ketara terhadap pematuhan keselamatan. Penambahbaikan dalam keadaan fizikal boleh meningkatkan kesedaran keselamatan dan mengurangkan risiko kemalangan (Fung et al., 2016). Kajian dalam sektor perlombongan dan pembuatan menunjukkan bahawa keadaan fizikal yang tidak baik, seperti pencahayaan yang tidak mencukupi dan bunyi bising yang tinggi, menyumbang kepada masalah kesihatan dan menjejaskan pematuhan terhadap prosedur kerja selamat (Pujianti & Djunaidi, 2022). Tempat kerja dengan budaya keselamatan yang kukuh, di mana keselamatan menjadi nilai dan amalan organisasi, menunjukkan kadar pematuhan yang lebih tinggi (Abeje & Luo, 2023).

Walaupun banyak kajian memberi tumpuan kepada faktor organisasi dan individu yang mempengaruhi pematuhan, interaksi antara faktor-faktor ini sering diabaikan. Terdapat keperluan untuk kajian yang mengkaji bagaimana dasar organisasi dan sikap individu berinteraksi dalam mempengaruhi tingkah laku keselamatan. Selain itu, kesan perbezaan budaya dan demografi dalam tenaga kerja terhadap pematuhan keselamatan masih belum difahami dengan baik. Menurut Mearns & Yule (2009), komitmen pengurusan terhadap keselamatan dan keberkesanan langkah keselamatan lebih memberi kesan kepada tingkah laku keselamatan berbanding nilai budaya kebangsaan (Mearns & Yule, 2009). Sektor pembuatan Malaysia, yang menggunakan tenaga kerja yang pelbagai, termasuk pekerja asing, mungkin menghadapi cabaran tambahan dalam meningkatkan pematuhan (Travnicek et al., 2020).

Penemuan utama dari literatur menekankan peranan penting latihan, komunikasi, dan penguatkuasaan dalam memastikan pematuhan terhadap prosedur kerja selamat. Walau bagaimanapun, terdapat kontroversi mengenai pendekatan terbaik. Beberapa kajian menekankan penguatkuasaan yang ketat, manakala yang lain berpendapat bahawa memupuk budaya keselamatan yang positif adalah lebih berkesan dalam jangka Panjang (Bautista-Bernal et al., 2024). Terdapat juga perdebatan mengenai kaedah terbaik untuk latihan, di mana sesetengah penyelidik menyokong kaedah tradisional, manakala yang lain mencadangkan penyelesaian teknologi inovatif (Saniga et al., 2023).

Faktor organisasi, individu, dan persekitaran semuanya memainkan peranan penting. Namun, terdapat jurang kajian yang perlu ditangani, khususnya mengenai interaksi



antara faktor-faktor ini dan kesan kepelbagaian budaya dan demografi. Mengembangkan rangka kerja konseptual yang menyepadukan elemen-elemen ini dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai pematuhan terhadap prosedur kerja selamat dan membantu membangunkan strategi yang lebih berkesan. Menurut Avanzi et al. (2018), sokongan penyelia adalah penting untuk mewujudkan iklim keselamatan yang positif, yang dapat meningkatkan pematuhan terhadap prosedur kerja selamat (Avanzi et al., 2018). Selain itu, persekitaran kerja, termasuk keadaan fizikal dan tuntutan pekerjaan, memberi kesan terhadap tingkah laku keselamatan, di mana tuntutan kerja yang tinggi dan kawalan kerja yang rendah memberi kesan negatif terhadap pematuhan keselamatan (Jung et al., 2020).

4.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif asas untuk meneroka faktor-faktor yang menyumbang kepada ketidakpatuhan terhadap prosedur kerja selamat dalam kalangan pekerja sektor pembuatan di Malaysia. Kajian kualitatif asas membolehkan penerokaan mendalam mengenai pengalaman hidup individu dan bagaimana mereka memberi makna kepada pengalaman tersebut (Merriam & Tisdell, 2015). Reka bentuk ini sesuai digunakan untuk memahami faktor ketidakpatuhan secara mendalam. Melalui analisis sikap, kepercayaan, dan tingkah laku peserta terhadap pematuhan prosedur kerja selamat, kajian ini bertujuan untuk memahami dan mentafsir bagaimana mereka membentuk pandangan serta makna terhadap pengalaman mereka dari perspektif peribadi (Merriam & Tisdell, 2015).

Kajian ini melibatkan lima orang pekerja sektor pembuatan di Johor, Malaysia. Walaupun saiz sampel dalam kajian kualitatif tidak semestinya ditentukan terlebih dahulu (Creswell, 2016), ketepuan data telah dicapai selepas temu bual kelima. Pensampelan bertujuan digunakan untuk memastikan peserta mempunyai pengalaman relevan dengan kajian ini. Kriteria kemasukan peserta termasuk pekerja yang terlibat dalam sektor pembuatan di Johor dan bersedia berkongsi pengalaman mereka secara terbuka. Lima peserta yang memenuhi syarat telah dipilih sebagai sampel akhir.

Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual mendalam menggunakan soal selidik separa berstruktur. Soalan-soalan temu bual telah disemak oleh dua Pegawai Penyiasat Kemalangan Pekerjaan yang berpengalaman menyiasat lebih daripada 100 kes kemalangan. Ini membolehkan peserta menjawab soalan secara bebas, sambil memastikan semua topik utama diliputi (Birana et al., 2023). Kaedah ini dipilih kerana ia membolehkan penerokaan menyeluruh mengenai pengalaman dan persepsi peserta, terutama dalam memahami faktor-faktor kompleks yang menyumbang kepada ketidakpatuhan terhadap prosedur kerja selamat.

Analisis data dijalankan menggunakan pengkodan manual dan analisis tematik dengan bantuan Microsoft Word. Pengkodan dan analisis tematik dipilih kerana ia membolehkan analisis sistematik dan terperinci terhadap data kualitatif, membolehkan pengenalpastian tema dan pandangan utama berkaitan dengan objektif kajian (Patton, 2014). Kaedah ini sesuai untuk kajian ini kerana ia membantu penyelidik mendedahkan faktor-faktor yang menyumbang kepada ketidakpatuhan terhadap prosedur kerja selamat dengan meneliti secara mendalam maklum balas daripada peserta.

Pertimbangan etika merupakan keutamaan dalam kajian ini. Kelulusan telah diperoleh



daripada lembaga semakan etika yang berkenaan sebelum pengumpulan data dimulakan. Peserta diberi maklumat lengkap mengenai tujuan kajian, hak mereka, dan sifat sukarela penyertaan mereka. Persetujuan bertulis diperoleh daripada setiap peserta, dan kerahsiaan maklumat peribadi mereka dijaga (Creswell, 2009; Merriam & Tisdell, 2015).

Bagi memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan data, beberapa strategi telah digunakan. Validasi dapatan disokong melalui proses temu bual mendalam dan semakan ahli, di mana peserta diberi peluang untuk menyemak dan mengesahkan ketepatan data serta tafsiran yang dibuat. Selain itu, dokumentasi terperinci tentang proses penyelidikan, termasuk soalan dan hasil temu bual, disemak untuk menjamin ketepatan kajian ini.

5.0 Analisis Data dan Dapatan Kajian

Dalam kajian ini, penemuan utama menunjukkan beberapa faktor yang menyumbang kepada ketidakpatuhan terhadap prosedur kerja selamat dalam sektor pembuatan di Malaysia. Analisis data temu bual telah mengenal pasti tema-tema utama yang menggambarkan cabaran yang dihadapi oleh pekerja dalam mematuhi prosedur kerja selamat. Berikut adalah perincian dapatan kajian serta analisis data yang telah dijalankan.

5.1 Persepsi Ketidakselesaian dan Kesulitan Prosedur Kerja Selamat

Salah satu penemuan utama kajian ini adalah persepsi ketidakselesaian berkaitan dengan prosedur kerja selamat. Ramai peserta merasakan bahawa prosedur kerja selamat dan penggunaan peralatan tertentu dianggap menyusahkan dan mengganggu kecekapan mereka. Sebagai contoh, Peserta 1 menyatakan, ""Ehhh... kadang-kadang, mmm, kami tak ikut sebab, aaa, rasa susah la. Contohnya, nak pakai safety harness tu leceh." Tema ini dikenali sebagai "Kesulitan prosedur kerja selamat," disokong oleh kod "Persepsi ketidakselesaian" dan "Kurang pengawasan." Ketidakselesaian yang dirasakan ini sering menjadi punca ketidakpatuhan, terutamanya apabila tiada pengawasan yang ketat.

5.2 Tekanan Masa dan Tekanan Pengurusan

Penemuan penting yang kedua ialah tekanan untuk menyelesaikan tugas dengan cepat, yang sering menyebabkan pekerja memintas prosedur kerja selamat. Peserta menyatakan bahawa desakan untuk memenuhi tarikh akhir kerja sering kali menyebabkan mereka mengabaikan langkah-langkah keselamatan. Sebagai contoh, Peserta 2 menyatakan, "Mmm... selalunya sebab, nak cepat siap kerja. Ehhh... kalau ikut semua prosedur, kerja jadi lambat." Ini menunjukkan bahawa kedua-dua tekanan masa dan desakan daripada pihak pengurusan mempengaruhi ketidakpatuhan. Tema ini dikenali sebagai "Tekanan Masa," dengan kod-kod termasuk "Tekanan untuk menyelesaikan tugas dengan cepat" dan "Tekanan pengurusan."

5.3 Kekurangan Latihan yang Betul dan Pendidikan Berterusan

Satu lagi tema utama yang dikenal pasti adalah kekurangan latihan yang mencukupi dan pendidikan berterusan mengenai prosedur kerja selamat.



Beberapa peserta merasakan bahawa latihan yang mereka terima tidak memadai, dan tiada kursus ulang kaji yang dijalankan secara berkala. Peserta 3 menyatakan, ""Aaa... saya rasa, ramai tak ikut sebab tak tahu betul-betul cara yang betul. Training yang kami dapat pun sekejap je, tak cukup la." Tema ini dikodkan sebagai "Latihan Tidak Mencukupi," dengan kod-kod seperti "Kekurangan latihan yang betul" dan "Pengetahuan tidak mencukupi." Penekanan diberikan kepada keperluan program latihan yang lebih berterusan dan komprehensif.

5.4 Pengaruh Penyeliaan dan Penguatkuasaan

Penemuan penting lain ialah pengaruh penyeliaan dan penguatkuasaan terhadap pematuhan. Peserta melaporkan bahawa pematuhan terhadap prosedur kerja selamat meningkat apabila penyelia aktif memantau dan menguatkuasakan peraturan. Sebagai contoh, Peserta 4 menyatakan, ""Saya rasa sebab tak ada orang yang betul-betul periksa. Aaa... kalau ada audit atau supervisor tengok, baru la kami ikut." Tema ini dikenali sebagai "Penyeliaan Tidak Mencukupi," dengan kod "Kurang penguatkuasaan" dan "Pematuhan sekali-sekala," yang menunjukkan bahawa penyeliaan yang konsisten adalah penting untuk memastikan pematuhan terhadap prosedur kerja selamat.

5.5 Ketidakselesaian dengan Peralatan Keselamatan

Ketidakselesaian yang dikaitkan dengan peralatan keselamatan merupakan tema yang sering muncul. Peserta melaporkan bahawa peralatan keselamatan tertentu tidak selesa, terutama dalam keadaan panas, yang menyebabkan mereka enggan memakainya. Peserta 5 menyatakan, ""Mmm... kadang-kadang sebab tak selesa la. Aaa... contohnya, pakai mask tu buat susah nak bernafas." Tema ini dikenali sebagai "Ketidakselesaian dengan Peralatan Keselamatan," dengan kod-kod seperti "Ketidakselesaian dengan peralatan keselamatan" dan "Faktor persekitaran (panas)." Keperluan untuk menyediakan peralatan keselamatan yang lebih ergonomik dan selesa turut ditekankan.

Jadual 1: Analisis Tema dan Contoh Keselamatan di Tempat Kerja Mengikut Perspektif Pekerja

Tema	Penerangan	Pengekodan	Contoh dari Peserta
Kesulitan prosedur kerja selamat	Persepsi ketidakselesaian berkaitan prosedur kerja selamat dan penggunaan peralatan tertentu.	Persepsi ketidakselesaian, Kurang pengawasan	"Ehhh... kadang-kadang, mmm, kami tak ikut sebab, aaa, rasa susah la. Contohnya, nak pakai safety harness tu leceh."
Tekanan Masa	Tekanan untuk menyelesaikan tugas dengan cepat yang menyebabkan pengabaian langkah keselamatan.	Tekanan untuk menyelesaikan tugas dengan cepat, Tekanan pengurusan	"Mmm... selalunya sebab, nak cepat siap kerja. Ehhh... kalau ikut semua prosedur, kerja jadi lambat."
Latihan Tidak Mencukupi	Kekurangan latihan yang betul dan pendidikan berterusan mengenai prosedur	Kekurangan latihan yang betul, Pengetahuan tidak mencukupi	"Aaa... saya rasa, ramai tak ikut sebab tak tahu betul-betul cara yang betul. Training yang



	kerja selamat.		kami dapat pun sekejap je, tak cukup la."
Penyeliaan Tidak Mencukupi	Kurangnya penyeliaan dan penguatkuasaan yang menyebabkan pematuhan sekali-sekala.	Kurang penguatkuasaan, Pematuhan sekali-sekala	"Saya rasa sebab tak ada orang yang betul-betul periksa. Aaa... kalau ada audit atau supervisor tengok, baru la kami ikut."
Ketidakselesaan dengan Peralatan Keselamatan	Ketidakselesaan yang dikaitkan dengan peralatan keselamatan, terutama dalam keadaan panas.	Ketidakselesaan dengan peralatan keselamatan, Faktor persekitaran (panas)	"Mmm... kadang-kadang sebab tak selesa la. Aaa... contohnya, pakai mask tu buat susah nak bernafas."

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa gabungan faktor seperti ketidakselesaan dengan prosedur kerja selamat, tekanan masa, kekurangan latihan, penyeliaan yang tidak mencukupi, dan ketidakselesaan dengan peralatan keselamatan (Jadual 1) menyumbang kepada ketidakpatuhan terhadap prosedur kerja selamat. Menangani isu-isu ini melalui langkah-langkah seperti memperbaiki prosedur kerja selamat agar lebih praktikal, mengimbangi antara produktiviti dan keselamatan, menyediakan latihan yang komprehensif, menguatkuasakan penyeliaan yang lebih ketat, serta merekabentuk peralatan keselamatan yang lebih ergonomik, berpotensi untuk meningkatkan tahap pematuhan prosedur kerja selamat dalam sektor pembuatan di Malaysia.

Penemuan ini memberikan pandangan penting untuk merangka strategi yang berkesan dalam meningkatkan pematuhan prosedur kerja selamat dan mewujudkan persekitaran kerja yang lebih selamat. Dengan memahami halangan praktikal yang dihadapi oleh pekerja, pihak pengurusan dapat merancang dan melaksanakan perubahan yang mampu mengatasi masalah ketidakpatuhan dengan lebih efektif.

6.0 Perbincangan dan Cadangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketidakselesaan yang dirasakan terhadap peralatan keselamatan secara signifikan menghalang pematuhan. Pekerja sering menghadapi kesukaran dengan peralatan keselamatan yang mengganggu kecekapan kerja mereka. Ini selaras dengan penemuan oleh Fung et al. (2016) yang menyatakan bahawa keadaan fizikal, seperti ketidakselesaan dengan peralatan, boleh mempengaruhi pematuhan terhadap prosedur keselamatan. Tekanan masa akibat keperluan mendesak dan jangkaan pihak pengurusan memperburuk ketidakpatuhan, kerana pekerja cenderung mengutamakan kelajuan berbanding keselamatan, satu pandangan yang juga disokong oleh kajian Aurice Wekoye et al. (2020) yang mendapati bahawa tekanan masa sering menyebabkan pekerja mengabaikan langkah-langkah keselamatan untuk memenuhi tarikh akhir.

Latihan yang tidak mencukupi dan kurangnya pengetahuan tentang prosedur kerja selamat mencerminkan kelemahan dalam program latihan, yang menekankan keperluan untuk pendidikan keselamatan yang berterusan dan menyeluruh. Kajian oleh Aman-Ullah et al. (2022) menyatakan bahawa latihan keselamatan yang tidak mencukupi mengurangkan tahap kesedaran pekerja terhadap risiko di tempat kerja, sekali gus



meningkatkan ketidakpatuhan terhadap prosedur keselamatan. Selain itu, kekurangan penyeliaan dan penguatkuasaan peraturan keselamatan menyebabkan pematuhan yang tidak konsisten, menekankan kepentingan pemantauan yang aktif, satu dapatan yang juga diakui oleh Mearns & Yule (2009) yang mendapati bahawa penguatkuasaan yang lemah boleh mengurangkan pematuhan terhadap prosedur kerja selamat di kalangan pekerja.

Penemuan ini berkait rapat dengan objektif kajian untuk mengenal pasti faktor penyumbang kepada ketidakpatuhan terhadap prosedur kerja selamat. Masalah ketidakpatuhan yang tinggi dan budaya keselamatan yang kurang dalam sektor pembuatan dapat dilihat dengan jelas melalui tema-tema yang dikenal pasti. Kajian oleh Pujianti & Djunaidi (2022) turut menunjukkan bahawa persekitaran kerja yang kurang selamat dan peralatan yang tidak ergonomik menyumbang kepada ketidakpatuhan yang lebih meluas. Ini menunjukkan bahawa halangan praktikal, seperti peralatan keselamatan yang tidak selesa dan latihan yang tidak mencukupi, menyumbang kepada ketidakpatuhan yang lebih meluas.

Kajian ini memberikan pemahaman mendalam mengenai halangan kepada pematuhan prosedur kerja selamat dalam sektor pembuatan. Dengan mengenal pasti faktor-faktor khusus yang menghalang pematuhan terhadap prosedur kerja selamat, kajian ini menawarkan pandangan yang boleh diambil tindakan oleh pihak berkepentingan dalam industri. Cadangan termasuk menyemak semula prosedur kerja selamat agar lebih mesra pengguna (Bautista-Bernal et al., 2024), mengimbangi produktiviti dengan keselamatan, melaksanakan program latihan yang komprehensif dan berterusan (Saniga et al., 2023), serta menguatkuasakan penyeliaan yang lebih ketat dan mereka bentuk peralatan keselamatan yang lebih ergonomik (Abeje & Luo, 2023). Cadangan ini bertujuan untuk meningkatkan pematuhan prosedur kerja selamat, mengurangkan kemalangan di tempat kerja, dan memupuk budaya keselamatan dalam sektor pembuatan. Mengatasi tema yang dikenal pasti, seperti kesulitan, tekanan masa, latihan yang tidak mencukupi, penyeliaan yang kurang berkesan, dan ketidakselesaan dengan peralatan keselamatan, adalah penting untuk meningkatkan pematuhan terhadap prosedur kerja selamat.

Berdasarkan perbincangan ini, model yang sesuai untuk mengatasi tema yang dikenal pasti ialah "Model Pematuhan Berkesan" (Rajah 1). Model ini menggabungkan elemen-elemen latihan, penyeliaan, ergonomik, dan amalan pengurusan untuk mencipta pendekatan holistik dalam meningkatkan pematuhan prosedur kerja selamat. Model Pematuhan Berkesan merangkumi beberapa komponen utama untuk memastikan keselamatan dan pematuhan di tempat kerja. Komponen-komponen penting ini termasuk:


- **Program Latihan yang Dipertingkatkan:** Sesi latihan berkala, praktikal, dan berasaskan amali perlu dikemas kini secara berterusan bagi memastikan pekerja sentiasa dimaklumkan tentang prosedur kerja selamat yang terkini.
- **Peralatan Keselamatan Ergonomik:** Reka bentuk dan penyediaan peralatan keselamatan yang selesa serta mudah digunakan adalah penting untuk mengurangkan ketidakselesaan dan kesukaran yang dialami oleh pekerja.
- **Penyeliaan dan Penguatkuasaan Aktif:** Pelaksanaan penyeliaan yang ketat dan konsisten bagi memantau serta menguatkuasakan prosedur kerja selamat secara



berterusan.

- **Produktiviti dan Matlamat Keselamatan yang Seimbang:** Pembangunan amalan pengurusan yang mengekalkan keseimbangan antara produktiviti dan keselamatan, memastikan prosedur kerja selamat diberi keutamaan dalam proses kerja.
- **Maklum Balas dan Penambahbaikan Berterusan:** Mewujudkan sistem untuk pekerja memberikan maklum balas berkenaan prosedur dan peralatan keselamatan, bagi membolehkan penambahbaikan dan penyesuaian berterusan berdasarkan keperluan mereka.

Dengan menyepadukan komponen-komponen ini, Model Pematuhan Berkesan menangani pelbagai faktor yang dikenal pasti dalam kajian yang menyumbang kepada ketidakpatuhan. Model ini memupuk budaya keselamatan di mana pekerja dilatih, dilengkapi dengan peralatan yang sesuai, dan dipantau secara aktif, sementara pihak pengurusan menyokong serta mengutamakan keselamatan di samping produktiviti. Pelaksanaan Model Pematuhan Berkesan boleh membawa kepada peningkatan ketara dalam pematuhan terhadap prosedur keselamatan, mengurangkan insiden kemalangan di tempat kerja, dan mewujudkan persekitaran kerja yang lebih selamat serta cekap dalam sektor pembuatan di Malaysia.



Rajah 1: Model Pematuhan Berkesan

7.0 Kesimpulan

Kajian ini memberikan pandangan mendalam tentang halangan kepada pematuhan prosedur kerja selamat dalam sektor pembuatan di Malaysia. Dapatan menunjukkan bahawa ketidakselesaan dengan peralatan keselamatan, tekanan masa, latihan yang tidak mencukupi, dan penyeliaan yang tidak konsisten merupakan faktor utama yang menyumbang kepada ketidakpatuhan terhadap prosedur kerja selamat. Untuk menangani isu-isu ini, kajian mencadangkan pelaksanaan Model Pematuhan Berkesan, yang merangkumi latihan berterusan, penyediaan peralatan ergonomik, penyeliaan aktif, keseimbangan antara produktiviti dan keselamatan, serta sistem maklum balas bagi penambahbaikan berterusan.

Keterbatasan kajian termasuk saiz sampel yang kecil dan pendekatan kualitatif yang mungkin tidak menangkap keseluruhan faktor yang mempengaruhi pematuhan prosedur kerja selamat. Kajian masa hadapan perlu melibatkan sampel yang lebih besar dan lebih pelbagai, serta menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mengukur kesan intervensi



terhadap pematuhan prosedur kerja selamat. Selain itu, menyiasat pengaruh budaya dan demografi terhadap tingkah laku keselamatan boleh memberikan pandangan yang lebih mendalam tentang strategi yang disesuaikan untuk segmen pekerja yang berbeza.

Dengan melaksanakan Model Pematuhan Berkesan, sektor pembuatan boleh mencapai peningkatan yang signifikan dalam pematuhan terhadap prosedur kerja selamat, mengurangkan kemalangan, dan meningkatkan kecekapan operasi secara keseluruhan.

8.0 Penghargaan

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada isteri dan anak-anak saya atas sokongan dan pemahaman yang tidak berbelah bahagi sepanjang perjalanan kajian ini. Dorongan mereka tidak ternilai. Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Penyelia saya dan Universiti Malaysia Kelantan kerana membantu dalam menyediakan sumber dan persekitaran yang kondusif untuk usaha akademik saya. Selain itu, saya berterima kasih kepada semua pihak yang telah membantu dalam penulisan artikel ini, menawarkan pandangan, maklum balas, dan bimbingan mereka. Sumbangan anda telah membantu dalam menyiapkan kerja ini. Terima kasih atas sokongan dan bantuan anda.

Rujukan

- Abeje, M., & Luo, F. (2023). The influence of safety culture and climate on safety performance: mediating role of employee engagement in manufacturing enterprises in Ethiopia. *Sustainability*, 15(14), 11274.
- Adnan, M. F., Rahim, N. M., Yusoff, Y. H., & Nizal, M. (2023). Analyzing the Relationship between Corporate Governance and Working Capital Management in Malaysian Manufacturing Public Listed Companies: A Conceptual Study. *Sciences*, 13(6), 1413-1423.
- Ali, Shahrudin, Omar, & Yusoff. (2012). Workplace injuries and risk reduction practices in Malaysia. *International journal of occupational and environmental health*, 18(4), 299-306.
- Aman-Ullah, A., Ibrahim, H., Aziz, A., & Mehmood, W. (2022). Impact of workplace safety on employee retention using sequential mediation: evidence from the health-care sector. *RAUSP Management Journal*, 57(2), 182-198.
- Aurice Wekoye, S., Nyaora Moturi, W., & Makindi, S. (2020). Factors influencing non-compliance to occupational safety and health practices in the informal non-food manufacturing sector in Kampala city, Uganda. *Current Journal of Applied Science and Technology*, 38(6), 1-12.
- Avanzi, L., Savadori, L., & Fraccaroli, F. (2018). Unraveling the organizational mechanism at the root of safety compliance in an Italian manufacturing firm. *International journal of occupational safety and ergonomics*, 24(1), 52-61.
- Bautista-Bernal, I., Quintana-García, C., & Marchante-Lara, M. (2024). Safety culture, safety performance and financial performance. A longitudinal study. *Safety science*, 172, 106409.



- Bayram, M., Arpat, B., & Ozkan, Y. (2022). Safety priority, safety rules, safety participation and safety behaviour: the mediating role of safety training. *International journal of occupational safety and ergonomics*, 28(4), 2138-2148.
- Birana, F. D., Kasi, J. C., & Alim, A. (2023). Qualitative Study of the Implementation of Occupational Health and Safety Culture on Employee Performance PT Bahana Prima Nusantara. *The Indonesian Journal of Occupational Safety and Health*, 12(2), 256-266.
- Creswell, J. W. (2009). Research designs. Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches.
- Creswell, J. W., Poth, C.N. (2016). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches* (4th edition ed.). Sage Publications.
- Dodoo, J. E., & Al-Samarraie, H. (2021). A systematic review of factors leading to occupational injuries and fatalities. *Journal of Public Health*, 1-15.
- Fung, I. W., Tam, V. W., Sing, C. P., Tang, K., & Ogunlana, S. O. (2016). Psychological climate in occupational safety and health: the safety awareness of construction workers in South China. *International Journal of Construction Management*, 16(4), 315-325.
- Hollá, K., Ďad'ová, A., Hudáková, M., Valla, J., Cidlinová, A., & Osvaldová, L. M. (2023). Causes and circumstances of accidents at work in the European Union, Slovakia and Czech Republic. *Frontiers in Public Health*, 11, 1118330.
- Jung, M., Lim, S., & Chi, S. (2020). Impact of work environment and occupational stress on safety behavior of individual construction workers. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(22), 8304.
- Kineber, A. F., Antwi-Afari, M. F., Elghaish, F., Zamil, A. M., Alhusban, M., & Qaralleh, T. J. O. (2023). Benefits of implementing occupational health and safety management systems for the sustainable construction industry: a systematic literature review. *Sustainability*, 15(17), 12697.
- Latip, S. N. N. A., Latip, M. S. A., Tamrin, M., & Nawi, M. Z. M. (2022). The perspective of work ergonomics on employee task performance in hotel and tourism industry, Malaysia. Proceedings,
- Mearns, K., & Yule, S. (2009). The role of national culture in determining safety performance: Challenges for the global oil and gas industry. *Safety science*, 47(6), 777-785.
- Megat, P. A., & Krishnan, L. (2024). Key Drivers of Employee Engagement in Malaysian Manufacturing Sector.
- Merriam & Tisdell, S. B., Tisdell, E.J. (2015). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th edition ed.). John Wiley & Sons.
- Nawi, M. N. M., Zainol, N. A., Naim, F., Mamat, M. N., Hamzah, N. A., & Nawi, M. N. M. (2022). Employers' perceptions of the manufacturing industry on workplace safety culture. *Journal of Energy and Safety Technology (JEST)*, 5(2), 78-86.



- Othman, H., Junfeng, S., Daud, K. A. M., & Maskur, S. (2024). Kajian Tentang Konsep Kompetensi Pekerjaan Pelajar Vokasional Di Citespace. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 12(1), 62-79.
- Patton, M. Q. (2014). *Qualitative research & evaluation methods: Integrating theory and practice*. Sage publications.
- Pujianti, P., & Djunaidi, Z. (2022). Evaluation of the Physical Work Environment of Miners in Kutai Kartanegara, East Kalimantan. *The Indonesian Journal of Occupational Safety and Health*, 11 (1), 40-46.
- Saniga, K., Chapman, B., & Stevenson, C. D. (2023). A Case Study of Food Safety Training Delivery Methods in Dairy Processing Plants. *Food Prot. Trends*, 43, 23-32.
- Travnicek, P., Kotek, L., Pavlikova, E. A., Junga, P., & Ruzbarsky, J. (2020). Foreign Workers In Industry-Prevention Of Accidents. *Mm Science Journal*.
- Yao, H., & Daud, K. A. M. (2024). Pembangunan Instrumen Untuk Mengukur Kebiasaan Dan Kesukaran Pengguna Dalam Menggunakan Skrin Sentuh Kawalan Berpusat Kenderaan Tenaga Baru (Nev). *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 12(1), 143-156.
- Zakaria, J., Che Hassan, C. R., Hamid, M. D., & Sukadarin, E. H. (2024). The effectiveness of behavior-based safety observation program (BSOP) in the chemical manufacturing industry. *Process Safety Progress*, 43(1), 52-62.

